

MAHATHIR-JAMUAN
(1)

DARI AHMAT WAHAB

1971
SINGAPURA, 17 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN MALAM INI SEBARANG TINDAKAN YANG DIAMBIL SAMADA OLEH MALAYSIA DAN SINGAPURA ADALAH SALING BANTU MEMBANTU TERHADAP KEMAJUAN MASING-MASING NEGARA DAN OLEH ITU TIDAK ADA SEBAB TIMBULNYA SYAK WASANGKA DAN PERASAAN CURIGA ANTARA SATU SAMA LAIN.

PERDANA MENTERI BERKATA KEDUA-DUA NEGARA SENTIASA BOLEH BERHUBUNG SESAMA SENDIRI DAN MEMBINCANGKAN SECARA IKHLAS MASALAH-MASALAH BERSAMA APABILA TIMBUL SESUATU MASALAH.

BERUCAP DI MAULIS JAMUAN MAKAN MALAM YANG DIBERIKAN OLEH PERDANA MENTERI SINGAPURA ENCIK LEE KUAN YEW BAGI MERAIKAN- NYA DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA MALAYSIA TIDAK MERASA IRI HATI DENGAN KEJAYAAN SINGAPURA DI BIDANG- BIDANG EKONOMI DAN SOSIAL TETAPI SEBALIKNYA MENGANGGAPNYA SEBAGAI SATU CONTOH BAGI PEMBANGUNANNYA SENDIRI.

KATANYA, KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN SINGAPURA YANG BEGITU PESAT BERMAKNA BAHAWA MALAYSIA YANG MERUPAKAN JIRAN YANG TERDEKAT AKAN TERUS MEMPUNYAI NEGARA JIRAN YANG GEMBIRA DAN STABIL.

"SEBUAH SINGAPURA YANG TIDAK TENTERAM AKAN MENJEJASKAN KESTABILAN MALAYSIA DAN BEGITU JUGA SEBARANG PERASAAN TIDAK PUASHATI DI MALAYSIA SUDAH TENTU AKAN MENJEJASKAN REPUBLIK INI," UJARNYA. -- BERSAMBUNG 2205/1K

B673:

MAHATHIR-JAMUAN 2 SINGAPURA

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA MALAYSIA MENGANGGAP USAHA SINGAPURA UNTUK MENGUKUHKAN PERTAHANANNYA SEBAGAI SATU LANGKAH MENOKOK-TAMBAH KEUPAYAAN PERTAHANAN DAN KETAHANAN RANTAU INI DARI ANCAMAN LUAR TERHADAP KESELAMATAN KAWASAN SEBELAH SINI.

MENURUTNYA DISEBABKAN IKATAN SERUPA ITU ANTARA PASUKAN PERTAHANAN KEDUA-DUA NEGARALAH YANG MENYEBABKAN KEDUA-DUA PIHAK BERSETUJU DAN BEKERJASAMA DI DALAM PERATURAN PERTAHANAN LIMA NEGARA.

KEDUA-DUA BELAH PIHAK JUGA TIDAK PERNAH MENGHENTIKAN KERJASAMA DALAM PERKARA-PERKARA BERKAITAN DENGAN ANCAMAN PENYUSUPAN TERHADAP RAKYAT MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA CAWANGAN KESELAMATAN KEDUA-DUA NEGARA TERUS MENERUS BEKERJASAMA RAPAT TERHADAP SEBARANG ANASIR SABVERSIF DAN JENAYAH YANG BOLEH MENGGANGUGAT KESTABILAN MEREKA.

"SEMUA INI MEMBUKTIKAN BAHAWA KITA MEMPUNYAI MATLAMAT YANG SAMA DAN SEPAKAT DALAM USAHA MENERUSKAN KERJASAMA DUA HALA YANG RAPAT SERTA MENYELESAIKAN ISU-ISU SEBELUM IANYA MENJADI MASALAH," TAMBAH PERDANA MENTERI. -- BERSAMBUNG

908/LK

B674:

MAHATHIR-JAMUAN 3 SINGAPURA

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERNARAP KEPENTINGAN BERSAMA INI YANG MENGHUBUNGAN NASIB KEDUA-DUA NEGARA BUKAN SAHAJA AKAN DIKALKAN MALAH DIPERTINGKATKAN LAGI.

MALAYSIA DAN SINGAPURA, KATANYA, MEMPUNYAI BANYAK PERSAMAAN SEBAHAGIAN BESARNYA DISEBABKAN KEADAAN GEOGRAFI DAN PENGALAMAN SEJARAH.

KEDUA-DUA NEGARA JUGA MLMPUNYAI KEUTAMAAN DAN NILAI YANG SAMA, TERUTAMA DALAM USAHA MENINGKATKAN TARAF SOSIO-EKONOMI RAKYAT MASING-MASING DAN PANDANGAN BERAT MEREKA BAGI MENJAMIN IDEAL DAN PRINSIP DEMOKRASI SENTIASA DIPELIHARA.